

# Belajar Selepas SPM

## Biasiswa, Pinjaman @ Tajaan

**P**ERIKSAAN SPM telah pun selamat dijalani. Setelah dua tahun berhempas pulas mengerah tenaga, berkorban wang, keseronokan, masa tidur dan mengabaikan segala perkara yang menjadi kegemaran, pastinya anda

mengharapkan agar Mac 2011 nanti menghadihkan keputusan paling cemerlang.

Sudah pasti juga anda, ibu dan ayah serta para tidak putus mendoakan agar anda berjaya. Nah, seandainya keputusan terbaik berada dalam tangan nanti, tentukan dengan sebaiknya destinasi pengajian yang seterusnya.

Bagaimana pula dengan sumber kewangan untuk melanjutkan pelajaran nanti? Tentu sukar untuk memikirkan semua itu seorang diri tambahan pula tiada sumber rujukan terhampir untuk dirujuk.

Bagi menghadapi situasi seumpama itu, Isu Utama edisi Disember mempersembahkan untuk anda barisan maklumat, tip dan segala informasi berguna sebagai rujukan awal untuk anda khususnya pelajar lepasan SPM- merencana hala tuju seterusnya bagi melanjutkan pelajaran.

## JPA Utamakan Yang Terbaik

**JABATAN** Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) adalah salah satu badan yang menawarkan bantuan kewangan. Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) Dato' Mohd Tajuddin Don

menyatakan sesiapa sahaja daripada kalangan pelajar boleh memohon penajaan (biasiswa atau pinjaman) dari JPA untuk melanjutkan pelajaran dalam atau luar negara di peringkat Ijazah Pertama. Asalkan menepati syarat kelayakan yang ditetapkan. Pelajar yang berminat harus memohon secara atas talian melalui Portal JPA.

Iklan permohonan penajaan biasiswa akan disiarkan dalam beberapa akhbar utama tempatan dan laman web JPA setiap tahun mengikut jenis program yang ditawarkan. Manakala tawaran penajaan pinjaman akan dibuka sebanyak dua kali setahun iaitu pada bulan Februari dan Julai permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (online) di portal JPA di alamat [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my).

Bagi penajaan kewangan untuk lepasan matriculasi atau yang telah pun memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama, pihak JPA telah menyediakan program tajaan biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam negara sama ada di IPTA dan IPTS (Universiti Teknologi Petronas, Universiti Multimedia dan Universiti Tenaga Nasional). Dalam pada itu pelajar lepasan SPM yang melanjutkan pengajian peringkat diploma di Politeknik juga boleh memohon



kemudahan biasiswa ini.

Bidang pengajian yang menerima tajaan seperti Perubatan (Perubatan, Pergigian, Farmasi, Perubatan Veterinar) Sains Tulen (Fizik, Kimia, Biologi, Matematik, Sains Hayat) Sains Gunaan (Pertanian, Perhutanan, Bioteknologi/Sains Makanan, Perikanan/Sains Samudera, Alam Sekitar, Teknologi Maklumat) Teknologi (Kejuruteraan, Teknologi Industri, Seni Bina, Ukur Bahan/Tanah, Perancangan Bandar dan Wilayah) Sastera (Sastera dan Sains Sosial, Pengajian Islam/Syariah/Usuluddin, Kemanusiaan/Kemasyarakatan, Komunikasi, Bahasa, Sains Pembangunan, Ilmu Teras) Sastera Ikhtisas (Ekonomi/Perniagaan Tani, Pengurusan Perniagaan/Pentadbiran Awam, Perakaunan, Undang-undang, Pengajian Kuantitatif, Pengurusan, Sains Perpustakaan dan Maklumat).

"Sebelum ini JPA turut menawarkan pinjaman kepada pelajar yang belajar dalam negara tetapi setelah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan kepada pelajar pada tahun 1996 kita hanya menawarkan pinjaman kepada pelajar yang belajar di luar negara."



Dato' Mohd Tajuddin Don bangga dapat membantu pelajar melanjutkan pelajaran

